Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

Mimbar Nakhoda

BIL: 14/27 RAMADHAN 1435H/25 JULAI 2014 PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID

BERJIHAD DI JALAN ALLAH

عَنْ أَبِي مُوْسَى رَضِيَ اللّٰهُ عَنْهُ قَالَ: جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيَّ صَلىَّ اللّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَم فَقَالَ، اَلرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلْمَغْنَمِ، وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِلذِّكْرِ، وَالرَّجُلُ يُقَاتِلُ لِيُرِى مَكَانُهُ، فَمَنْ فِيْ سَبِيْلِ اللّٰهِ؟ قَالَ: مَنْ قَاتَلَ لِتكُونَ كَلِمَةُ اللّٰهِ هِيَ اَلْعُلْيَا، فَهُوَ فِيْ سَبِيْلِ اللّٰهِ. (صحيح البجاري ٢٨١٠)

Diriwayatkan dari Abu Musa Radhiyallahu ‘Anhu, dia berkata: “Seseorang datang kepada Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wassalam seraya berkata, “Ada orang yang berperang untuk mendapatkan Ghanimah dan yang lain berperang untuk mendapatkan kedudukan, lalu siapakah yang dianggap berperang di Jalan Allah? Baginda bersabda, “Siapa yang berperang untuk meninggikan Kalimah Allah maka dia berada di Jalan Allah. (Shahih Al-Bukhari: 2810)

KETERANGAN

Dalam Islam, erti Jihad ialah berjuang dengan bersungguh-sungguh. Mereka yang berjihad digelar Mujahid. Jihad dilaksanakan untuk menjalankan misi utama manusia iaitu menegakkan Din Allah iaitu Agama Islam dan menjaga Din agar tetap tegak dengan cara-cara yang sesuai menurut garis perjuangan Nabi Muhammad Shalallahu ‘Alaihi Wassalam dan berpandukan Al-Quran. Jihad yang dilaksanakan oleh Para Rasul adalah berdakwah agar manusia meninggalkan kesyirikan dan kembali kepada peraturan Allah Subhanu Wa Ta’ala,dengan menyucikan hati dan memberi pengajaran kepada Ummat dan mendidik agar sesuai dengan tujuan penciptaan manusia di muka bumi.

‘Auf bin Malik Al-Asyja`i Radhiyallahu ‘Anhu berkata, “Sesiapa yang ingin menjadi pejuang Mujahid Fisabilillah yang benar-benar haruslah memerhatikan kepada sepuluh perkara:

1. Jangan keluar kecuali dengan izin dan redha kedua ayah bonda.
2. Menyelesaikan amanat Allah seperti sembahyang, puasa, zakat, haji, dan tebusan-tebusan dosa,
3. Meninggalkan untuk keluarganya nafkah yang mencukupi untuk tempoh masa yang akan ditinggalkan itu.
4. Berusaha supaya nafkah itu dari sumber yang halal.
5. Mendengar dan taat patuh pada pimpinannya.
6. Ramah tamah pada kawannya.
7. Dalam perjalanan jangan sampai mengganggu pada seorang Muslim atau Kafir Dzimmi.
8. Tidak lari dari medan perang.
9. Jangan mencuri harta ghanimah yang belum dibahagi.
10. Niat berjihad untuk menegakkan Agama Allah dan membantu kaum Mukminin.

Abul Laits As-Samarqandi Rahmatullah ‘Alaih meriwayatkan dengan Sanadnya dari ‘Abdullah bin ‘Umar Radhiyallahu ‘Anhum berkata Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wassalam bersabda:

“Jangan kamu mengharap-harap datangnya musuh, dan mintalah kepada Allah selamat, tetapi jika telah berhadapan dengan musuh, maka tabahlah kamu dan perbanyakkan Zikir kepada Allah Subhanahu Wa Ta’ala”.[Tanbih Al-Gafilin]

تكبير هاري راي عيدالفطري

اَللّٰهُ أَكْبَرُ اَللّٰهُ أَكْبَرُ اَللّٰهُ أَكْبَرُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَاللّٰهُ أَكْبَرُ، اَللّٰهُ أَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدِ – (3 كالى)

اَللّٰهُ أَكْبَرُ اَللّٰهُ أَكْبَرُ اَللّٰهُ أَكْبَرُ، اَللّٰهُ أَكْبَرُ كَبِيْرًا وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ كَثِيْرًا وَسُبْحَانَ اللّٰهِ بُكْرَةً وَأَصِيْلاً، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَلاَ نَعْبُدُ إِلاَّ إِيَّاهُ مُخْلِصِيْنَ لَهُ الْدِّيْنَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُوْنَ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدَهُ، وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ وَهَزَمَ الأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لاَ إِلَهَ إِلاَّ اللّٰهُ وَاللّٰهُ أَكْبَرُ، اَللّٰهُ أَكْبَرُ وَلِلّٰهِ الْحَمْدُ.

“Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar, Allah Maha Besar dan bagi Allah segala pujian – 3 x
Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar lagi sempurna KebesaranNya, dan puji-pujian yang banyak bagi Allah, dan Maha Suci Allah pada waktu pagi dan petang. Tiada Tuhan yang lain melainkan Allah dan tiada yang kami sembah patuhi melainkan hanya kepada Dia sebenar-benar dengan keikhlasan menjalankan AgamaNya walaupun segala orang-orang Kafir Musyrikin yang menduakan Tuhan memusuhi serta membencinya. Tiada Tuhan yang lain melainkan Allah, Maha Esa Dia, yang menepati janjiNya dan yang menolong HambaNya dan memuliakan TenteraNya dan memusnahkan persekutuan musuh dengan KeesaanNya. Tiada Tuhan melainkan Allah dan Allah Maha Besar,
Allah Maha Besar dan bagi Allah segala pujian.”

Takbir Hari Raya ‘Aidil Fitri: Sunat bertakbir Mursal iaitu bacaan Takbir yang tidak mengiringi Solat dengan suara yang nyaring pada sepanjang malam Hari Raya pertama di masjid-masjid, di rumah-rumah, di jalan raya atau di pekan, di bandar dan di kampung-kampung. Waktu Takbir Mursal ini bermula dari malam Hari Raya pertama sehingga ke Takbiratul-Ihram Solat Sunat Hari Raya ‘Aidil Fitri.

Mimbar Nakhoda ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kampung Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan ganjaran pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi
Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

‘AQIDAH MURSYIDAH IBNU TUMART

Asy-Syaikh Fakhruddin Ibni ‘Asakir Rahimahullah telah berkata dalam Matan ‘Aqidah Mursyidah Ibnu Tumart:

“Ketahuilah, semoga kami dan kamu diberi petunjuk oleh Allah. Sesungguhnya wajib ke atas setiap Mukallaf agar mengetahui bahawasanya Allah ‘Azza Wa Jalla adalah Maha Esa pada kekuasaanNya. Dia yang menciptakan seluruh alam, baik alam tinggi mahupun alam rendah, ‘Arasy, Kursi, tujuh petala langit dan bumi serta segala apa yang berada di langit dan di bumi dan apa-apa yang berada di antara kedua-duanya. Semua makhluk tunduk pada kekuasaanNya, tidak bergerak satu zarrah pun kecuali dengan kekuasaanNya, tiada yang bersama denganNya sebagai pentadbir kepada makhluk dan tidak ada sekutu bagiNya dalam kekuasaan, Maha Hidup Maha Kekal Berdiri Sendiri tanpa ditimpa rasa mengantuk dan tidur, Maha Mengetahui perkara yang ghaib dan yang nyata, tidak tersembunyi dariNya segala sesuatu yang berada di bumi mahupun di langit, Dia Maha Mengetahui apa yang ada di darat dan di laut, dan tidaklah gugur dedaunan kecuali Dia mengetahuinya, dan tidak ada biji Habbah dalam kegelapan perut bumi, sama ada yang basah mahupun yang kering melainkan semua itu tercatat dalam kitab yang nyata. IlmuNya meliputi segala sesuatu, dan Dia Maha Mengetahui jumlah bilangan dan bilangan segala sesuatu. Dia Maha Melakukan apa yang dikehendaki, Maha Berkuasa ke atas apa yang Dia ingini. BagiNya kekuasaan dan bagiNya kekayaan dan bagiNya kekuatan dan keberkekalan. BagiNya ketetapan dan ketentuan Qadha. Dan bagiNya terdapat Asmaa Al-Husna. Tiada yang dapat menolak apa yang ditetapkan oleh Allah, tiada yang dapat menghalang apa yang diberikan oleh Allah. Dia Maha Melakukan pada kerajaanNya apa yang dikehendaki dan Dia Maha Menentukan pada makhlukNya apa yang Dia kehendaki. Dia tidak mengharapkan pahala dan tidak takut pada seksaan, tidak ada sesuatu hak yang diatasNya, tidak ada hokum peraturan ke atasNya. Setiap Nikmat daripadaNya ialah anugerah dan setiap Niqmah ujian bala musibah adalah keadilan daripadaNya. Allah tidak ditanya tentang apa yang dilakukan olehNya, bahkan merekalah yang akan ditanya. Allah wujud sebelum terciptanya makhluk. Tiada bagiNya sebelum dan selepas dan tidak berada di arah atas, bawah, kanan, kiri, depan mahupun belakang. Allah bukanlah keseluruhan dan bukan pula sebahagian, tidak boleh dikatakan bila wujudnya Allah atau di mana tempatNya atau bagaimana keadaanNya? Dia telah wujud tanpa tempat. Dia telah mencipta makhluk dan mengatur masa. Dia tidak terikat dengan masa dan tidak ditetapkan bagiNya tempat. Dia tidak disibukkan oleh satu urusan daripada urusan-urusan yang lain. Dia tidak boleh digambarkan dengan bayangan, tidak terjangkau oleh akal, tidak boleh dibayangkan dalam hati, tidak boleh diserupakan dengan sesuatu pun, dan tidak boleh dirupabentukkan. Dia tidak boleh dibayangkan oleh akal, tidak terjangkau oleh sangkaan dan pemikiran kerana Dia tidak menyerupai sesuatu pun daripada makhlukNya dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat.”

TOKOH ISLAM

IMAM MALIK IBNI ANAS

Nama sebenar Imam Malik ialah Abu ‘Abdullah Malik bin Anas bin Malik bin Abi Amir bin ‘Amr bin Haris bin Gaiman bin Kutail bin ‘Amr bin Haris Al-Asbahi. Ibunya adalah seorang wanita Shalihah bernama ‘Aisyah binti Syarik Al-Azdiyah, berasal dari Yaman. Beliau lahir di Madinah pada tahun 95H/712M dan wafat pada tahun 179H/796M ketika berusia 84 tahun dan dikebumikan di perkuburan Jannatul-Baqi’. Beliau mempunyai seorang isteri dan empat orang anak, tiga lelaki dan seorang perempuannya yang bernama Fatimah, manakala anak-anak lelakinya bernama Muhammad, Hammad dan Yahya.

Keluarganya atau keturunannya berasal dari Yaman. Moyangnya berpindah ke Madinah dan menganut Islam pada zaman Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam. Imam Malik adalah daripada generasi Tabi’ Tabi’in yang tidak sempat berjumpa Para Shahabat Rasulullah, tetapi hanya sempat bertemu dengan golongan Tabi’in. Beliau telah dikurniakan umur yang panjang dan merupakan pengasas Mazhab Maliki. Beliau hidup pada zaman Sembilan orang Khalifah Bani Umayyah dan lima orang Khalifah Bani ‘Abbasiyyah iaitu bermula dari Khalifah Al-Walid bin ‘Abdul Malik (95H) hingga ke zaman Khalifah Harun Ar-Rasyid (179H). Beliau adalah seorang ‘Ulama yang warak, taat dan patuh kepada Allah. Beliau seorang yang berakhlak mulia dan juga kuat beribadat terutama sekali pada waktu malam.

Beliau dikurniakan kecerdasan akal fikiran yang tinggi. Beliau menghafaz Al-Quran ketika usianya masih muda. Beliau suka memakai pakaian berwarna putih dan bersih serta bau-bauan yang harum. Beliau bergaul dengan semua lapisan masyarakat dan sangat benci kepada perbuatan mencela sesame manusia. Beliau mempunyai daya hafalan yang luar biasa, meghormati Hadits Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam dan tidak sanggup menunggang kuda di kota Madinah kerana menghormati jasad Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam. Beliau tabah menghadapi ujian yang menimpanya dan beliau pernah dirotan sehingga patah tulang rusuknya kerana mengeluarkan fatwa yang tidak disukai oleh Khalifah, namun beliau tetap memaafkan mereka yang menfitnah dan menyeksanya.

Imam Malik pernah belajar daripada 900 guru yang sebahagian daripadanya adalah terdiri dari kalangan Para ‘Ulama Tabi’in yang ramai berada di Madinah, antaranya Nafi’ bin Abi Nu’aim, Ibnu Syihab Az-Zuhri, Abul-Zinad, Hasyim bin Urwa, Yahya bin Sa’id Al-Anshari, Muhammad Munkadir dan ‘Abdur Rahman bin Hurmuz. Imam Abu Hanifah dan Imam Syafi’i juga pernah menimba ilmu daripada Imam Malik. Antara sumbangannya yang terbesar adalah himpunan Hadits Al-Muwattha. Beliau meninggal dunia pada hari Ahad 14 Rabi’ul Awwal 179H ketika berusia 84 tahun.

ليلة القدر

سسوڠݢوهڽ كامي (الله) تله منورونكن القرآن ڤد مالم ليلة القدر، دان آڤ تاهوكه كامو اڤاكه مالم ليلة القدر؟ مالم ليلة القدر ايت اداله لبيه بائيق درى سريبو بولن ڤد كمولياءن دان كبسرنڽ. ڤد مالم ايت ڤارا ملائكة دان حضرت جبريل روح القدس عليه السلام تورون دڠن إيذين توهن مريك كران ممباوا سݢالا أورورسن. سجهتراله ڤد مالم ترسبوت هيڠݢا تربيت فجر.

مالم ليلة القدر اداله لبيه بأيك درڤد سريبو بولن. ليلة القدر اداله ڤد مالم-مالم دالم بولن رمضان تركندوڠ رحمة يڠ بسر. كبائيقكن ليلة القدر اداله لبيه بسر درڤد كبائيقكن ڤهالا، رحمة دان بركة دان فضيلة دان فائده كروحانين سريبو بولن يڠ برسماءن دڠن لاڤن ڤوله تيݢا تاهون امڤت بولن. حضرت عأيشه رضى الله عنها تله بركات، "اداله رسول الله صلى الله عليه وسلم براعتكاف دمسجد ڤد سڤولوه مالم يڠ أخير درڤد بولن رمضان،" دان بݢيندا رسول الله صلى الله عليه وسلم برسبدا، مقصودڽ: **"چاريله مالم ليلة القدر ڤد مالم يڠ ݢنجيل ددالم سڤولوه هاري يڠ ترأخير درڤد بولن رمضان"**. مقصود سڤولوه مالم يڠ ترأخير اياله داري مالم ٢١ هيڠݢا مالم ٣٠ هاريبولن رمضان. دان مقصود مالم-مالم يڠ ݢنجيل درڤد سڤولوه مالم يڠ أخير درڤد رمضان اداله ڤد مالم ٢١، ٢٣، ٢٥، ٢٧ دان ڤد مالم ٢٩ رمضان.

FADHILAT JIHAD FI SABILILLAH

Allah Subhanahu Wa Ta’ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah 218:

إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَٱلَّذِينَ هَاجَرُواْ وَجَٰهَدُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ أُوْلَٰٓئِكَ يَرْجُونَ رَحْمَتَ ٱللَّهِۚ وَٱللَّهُ غَفُورٞ رَّحِيمٞ ۝

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berhijrah dan berjihad di Jalan Allah, mereka itulah yang mengharapkan Rahmat dari Allah, dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.” [Al-Baqarah: 218]

Hasan Bashri Rahmatullah ‘Alaih berkata Nabi Shallallahu ‘Alaihi Wassalam bersabda:

مَنْ سَأَلَ الشَّهَادَةَ فَمَاتَ كَانَ لَهُ اَجْرُ الشَّهِيْدِ

“Siapa yang bersungguh-sungguh minta kepada Allah mati Syahid, kemudian mati biasa, maka mendapat pahala bagi orang yang mati Syahid.”

Baginda Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wassalam juga bersabda: “Tiap mata akan menangis pada Hari Qiyamat kecuali empat mata:

1. Mata yang tercungkil dalam perang Jihd Fi Sabilillah.
2. Mata yang menangis kerana takut kepada Allah.
3. Mata yang bangun malam kerana takut kepada Allah.
4. Mata yang menjaga pasukan di belakang kaum Muslimin.